

# WAKAF MADANI: STRATEGI PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI DAN MASYARAKAT DI MALAYSIA

## WAKAF MADANI: STRATEGIES FOR SOCIO-ECONOMIC AND COMMUNITY DEVELOPMENT IN MALAYSIA

Farahdina Fazial<sup>1</sup>

Mohd Muhaizam Bin Md Ishak<sup>2</sup>

Rohayati Husin<sup>3</sup>

Nurul Mazrah Manshor<sup>4</sup>

Che Khadijah Hamid<sup>5</sup>

Md Saufi Abd Hamid<sup>6</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah (Email: farahdinafazial@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah (Email: muhaizam@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Kedah (Email: roha427@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Kedah (Email: mazrah@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Terengganu (Email: chekhadijah@uitm.edu.my)

<sup>6</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah (Email: mdsau633@uitm.edu.my)

\*Corresponding Author: farahdinafazial@uitm.edu.my

### Article history

**Received date** : 25-8-2024  
**Revised date** : 26-8-2024  
**Accepted date** : 20-10-2024  
**Published date** : 25-10-2024

### To cite this document:

Fazial, F., Md Ishak, M. M., Husin, R., Manshor, N. M., Hamid, C. K., & Abd Hamid, M. S., (2024). Wakaf Madani: Strategi pembangunan sosio ekonomi dan masyarakat di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (67), 101 - 108.

**Abstrak:** Peranan wakaf dalam membangunkan ekonomi umat Islam merupakan suatu perkara yang telah dibuktikan sejak zaman berzaman. Wakaf Madani selari dengan konsep Malaysia Madani bertujuan untuk memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai nilai-nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan Wakaf Madani dalam memperkukuh ekonomi masyarakat Malaysia. Kedua, menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pengurusan wakaf dalam menjayakan pelaksanaan inisiatif Wakaf Madani. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis dokumen. Secara keseluruhan, pelaksanaan Wakaf Madani menunjukkan komitmen kerajaan Malaysia dalam mengoptimumkan potensi wakaf untuk kesejahteraan masyarakat, selaras dengan konsep Malaysia Madani yang menekankan pembangunan holistik dan inklusif.

**Kata Kunci:** Wakaf Madani, Pembangunan, Sosio Ekonomi, Masyarakat.

**Abstract:** The role of waqf in developing the economy of the Muslim community has been proven over the ages. Wakaf Madani aligns with the Malaysia Madani concept, aiming to elevate Malaysia as a nation that embodies values of sustainability, well-being, creativity, respect, confidence, and compassion. Therefore, this study aims to identify the role of Wakaf Madani in strengthening the Malaysian economy. Secondly, it analyzes the challenges faced by

*waqf management in successfully implementing the Wakaf Madani initiative. This study uses a qualitative approach and document analysis. Overall, the implementation of Wakaf Madani demonstrates the Malaysian government's commitment to optimizing the potential of waqf for the well-being of society, in line with the Malaysia Madani concept, which emphasizes holistic and inclusive development.*

**Keywords:** *Wakaf Madani, Development, Socioeconomic, Community*

---

## **Pendahuluan**

Wakaf telah lama berfungsi sebagai struktur sosial dan ekonomi utama di Malaysia. Masyarakat Islam sememangnya telah melibatkan diri dalam amal kebajikan berbentuk wakaf sebelum negara ini merdeka lagi. Amalan berwakaf telah menjadi sebahagian dari amalan kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu kala khususnya sebelum kedatangan penjajah barat ke Tanah Melayu. Wakaf merupakan instrumen Islam yang penting dalam memperbaiki kesejahteraan manusia dan meningkatkan perpaduan masyarakat. Wakaf merupakan suatu prinsip yang menjadi aspirasi dalam menentukan hala tuju pembangunan institusi yang tidak bermotifkan keuntungan (*Non-Profit Organisation* (NPO)) dan tidak berkaitan kerajaan (*Non-Governmental Organisation* (NGO)) bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti perkhidmatan kebajikan ummah (Khaf, 1998). Chapra (2008) menyatakan, wakaf adalah instrumen untuk amal jariah secara sukarela dalam Islam dan telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan masyarakat Islam awal. Wakaf menyediakan sumber kewangan yang stabil dan berterusan untuk NPO dan NGO, membolehkan mereka melaksanakan program dan aktiviti yang memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat. Ini termasuk penyediaan kemudahan pendidikan seperti sekolah dan universiti, pembinaan hospital dan pusat kesihatan, serta pelaksanaan projek infrastruktur yang menyokong kehidupan seharian masyarakat (Choundy, 2018; Usman dan Abd Rahman, 2020).

Konsep wakaf telah berkembang dan kini menjadi antara faktor penting dalam pembinaan ekonomi negara dan masyarakat. Antara inisiatif yang telah digerakkan oleh pihak Kerajaan ialah pembangunan sosio ekonomi dan masyarakat di Malaysia melalui pemerkasaan Wakaf Madani. Konsep Wakaf Madani adalah selaras dengan pendekatan konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Menurut Mohd Saufi, et. al (2023) kerangka utama dalam pembentukan MADANI adalah berteraskan kepada nilai-nilai utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta atau inovasi, hormat, keyakinan dan Ihsan. Kesemua ini merupakan rangkuman intisari Madani yang bermatlamatkan kejayaan dari setiap istilah yang telah dikemukakan (Anwar Ibrahim, 2022). Konsep Madani merupakan satu pembentukan strategi pengurusan dan pentadbiran negara secara berkesan yang menekankan kepada pemerkasaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai, etika atau akhlak serta nilai kemanusiaan (Mohammad, 2023).

Wakaf Madani merupakan antara inisiatif strategik yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggunakan aset-aset wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Konsep ini berasaskan wawasan Malaysia Madani, dengan matlamat untuk menjadikan negara sebagai entiti yang makmur dan berkembang pesat. Penstrukturan semula ekonomi dibuat berasaskan tiga keutamaan strategik iaitu membasmi kemiskinan, penstrukturan semula ekonomi dan memulih serta menjana ekonomi berteraskan konsep Malaysia Madani (Wazan, 2023). Dalam konteks ini, wakaf bukan sahaja dilihat sebagai alat untuk mengumpul kekayaan, tetapi juga membangunkan masyarakat secara holistik, yang menekankan pembangunan ekonomi,

pertumbuhan, serta peningkatan taraf hidup. Konsep pembangunan melalui Wakaf Madani ini secara tidak langsung telah berjaya menarik pelbagai pihak untuk bersama-sama membantu ekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia

Pembangunan sosio-ekonomi melalui Wakaf Madani tidak hanya memberi kesan kepada individu, tetapi kepada masyarakat secara keseluruhan. Wakaf Madani berpotensi untuk mencipta model pembangunan yang mampan dan lestari melalui penekanan nilai-nilai etika dan akhlak dalam pengurusan wakaf. Oleh itu, kajian ini akan meneliti peranan Wakaf Madani dalam memperkukuh ekonomi masyarakat Malaysia, serta cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

### **Sorotan Kajian Lepas**

Wakaf Madani selaras dengan konsep Malaysia Madani bertujuan memartabatkan semula negara sebagai negara yang makmur dan direalisasikan melalui perancangan dan strategi pemerkasaan ekonomi mampan, berteraskan akhlak, nilai dan etika (Mahmood, 2023). Di peringkat Persekutuan, Kerajaan telah mewujudkan inisiatif baharu dengan memperkenalkan Wakaf Madani serta menubuhkan Jawatankuasa Nasional Tanah Wakaf bertujuan untuk menyumbang 20 peratus pengembangan sektor kewangan sosial Islam menjelang 2030 (Ahmad Halimy, 2023), Menurut Saufi, Mohamad Zaki, Othman dan Sulong (2023) menyatakan melalui enam rukun Madani yang telah digagaskan, kesemuanya ini sebenarnya berkait rapat kepada pengurusan dan tatakelola wakaf pendidikan yang komprehensif dan berdaya saing. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan impak positif terhadap kesejahteraan manusia menerusi pendidikan.

Wakaf adalah instrumen kewangan Islam yang unik serta mempunyai potensi besar dalam memacu pembangunan sosio-ekonomi masyarakat. Wakaf menggabungkan elemen spiritual dan material yang memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat (Ridwan, 2018). Elemen spiritual dan kerohanian yang ada dalam wakaf ialah keikhlasan, amal jariah dan pembangunan kerohanian manakala elemen material ialah ekonomi, pelaburan dan sosial. Kahf (1998) menyatakan, wakaf berfungsi sebagai mekanisme jaminan keselamatan sosio-ekonomi melalui pengagihan dan perkongsian manfaat kepada golongan miskin. Sumbangan wakaf tidak hanya membantu golongan yang kurang berkemampuan tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup secara keseluruhan, seterusnya mendorong pembangunan ekonomi negara. Selain itu, wakaf memainkan peranan penting dalam ekonomi dengan menyediakan kemudahan kesihatan, pendidikan, dan ibadat, khususnya kepada masyarakat (Rahman, 2009).

Wakaf merupakan satu bentuk agihan semula kekayaan untuk pembangunan ekonomi ummah. Rahman (2009) menyatakan, wakaf memainkan peranan penting dalam aspek pembangunan ekonomi melalui penyediaan pendidikan, keperluan perumahan, kesihatan, menggerakkan kegiatan ekonomi, menyediakan tempat ibadat, pertanian dan menangani kebajikan anak yatim. Suhaimi dan Rahman (2021) mendapati bahawa projek Bazar Wakaf Rakyat (BWR) telah berjaya memanfaatkan sumber tanah secara optimum. Projek BWR telah berjaya menggalakkan aktiviti ekonomi masyarakat, menjana hasil, dan mewujudkan peluang pekerjaan. Selain itu, projek BWR juga memberi manfaat kepada masyarakat setempat apabila pendapatan yang diperoleh oleh pihak pengurusan masjid digunakan semula untuk kepentingan awam. Dari aspek material, amalan wakaf memberi implikasi terhadap pertumbuhan sosioekonomi masyarakat. Harta wakaf banyak digunakan untuk membangunkan fasiliti yang diperlukan oleh masyarakat seperti tempat ibadah, institusi pendidikan, dan juga pusat kesihatan. Fasiliti-fasiliti

tersebut dipercayai dapat meningkatkan kualiti Sumber Daya Insani (SDI). Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu setiap individu dalam memerangi kemiskinan yang dihadapi mereka sendiri (Ridwan, 2017).

### **Metadologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis peranan Wakaf Madani sebagai strategi pembangunan sosio-ekonomi dan masyarakat di Malaysia. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik untuk memahami secara mendalam konteks, pandangan, dan pengalaman yang berkaitan dengan pelaksanaan wakaf dalam masyarakat di Malaysia. Dalam kajian ini, analisis sekunder melibatkan penggunaan bahan yang telah diterbitkan seperti artikel, buku, jurnal, akhbar laman sesawang dan juga kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian dianalisis menggunakan analisis kandungan. Menurut Shava et.al, (2021), matlamat analisis kandungan kualitatif adalah untuk mengenal pasti tema atau kategori penting dalam kandungan. Hasil analisis kandungan kualitatif dapat menyokong pembangunan teori dan model baharu, serta mengesahkan teori sedia ada dan memberikan gambaran mendalam tentang latar atau fenomena tertentu.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Wakaf merupakan instrumen kewangan Islam memiliki sejarah panjang dalam membantu pembangunan sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Penekanan elemen Madani oleh kerajaan dalam pengurusan wakaf adalah bagi memastikan dana wakaf diuruskan yang telus, berintegriti serta mematuhi akauntabiliti oleh semua pihak yang terlibat. Hal ini bagi memastikan urus tadbir wakaf yang efisien dalam meningkatkan keyakinan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh masyarakat di Malaysia dengan tujuan amalan berwakaf ini dapat diadaptasikan sebagai satu budaya yang positif (Mohd Saufi, et.al). Dalam konteks pembangunan sosioekonomi, Wakaf Madani memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, perumahan, kemudahan awam dan sebagainya. Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan dana tambahan untuk projek-projek pembangunan, tetapi juga membantu mengurangkan jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial dalam kalangan masyarakat melalui penubuhan Wakaf Mara Madani bagi memastikan keterjaminan pendidikan, kebajikan, kesihatan dan keusahawanan bagi golongan Bumiputera seperti.

#### **i) Pembasmian Kemiskinan**

Kemiskinan merupakan isu sosioekonomi global yang sentiasa menjadi tumpuan utama pelbagai pihak, khususnya di Malaysia, kerana ia berpotensi menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara. Pembasmian kemiskinan sentiasa menjadi salah satu agenda penting di mana-mana negara, termasuk Malaysia. Hal ini terbukti melalui perbelanjaan kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin (Shahimi, Mohd Marzuki & Embong, 2013). Dari perspektif ekonomi, kemiskinan sering mencerminkan tahap pendapatan yang sangat rendah, yang menyebabkan individu atau keluarga tidak mampu memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Akibatnya, terdapat ketidaksetaraan dalam akses terhadap perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, yang menghalang peluang untuk meningkatkan taraf hidup. Mahmood (2023) menyatakan, penstrukturan semula ekonomi akan dibuat melalui tiga keutamaan strategik iaitu membasmi kemiskinan, penstrukturan semula ekonomi, pembasmian kemiskinan serta menjana ekonomi berteraskan konsep Malaysia Madani.

Menurut Sadeq (2002), wakaf berpotensi menjadi mekanisme yang lebih efektif dalam usaha pengurangan kemiskinan berbanding zakat dan fitrah, yang merupakan bentuk sedekah wajib

dalam Islam. Perkara ini disebabkan oleh pendekatan pengagihan semula yang diterapkan oleh sedekah wajib, yang manfaatnya cenderung bersifat sementara. Sebaliknya, wakaf boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan penerima, yang seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka secara berterusan. Griffiths dan Tan (2007) berpendapat bahawa bantuan langsung atau amal secara tradisional tidak berkesan dalam usaha menghapuskan kemiskinan secara menyeluruh dan mencadangkan perlunya strategi yang lebih lestari untuk menangani kemiskinan. Dalam konteks ini, wakaf dilihat sebagai mekanisme yang berpotensi untuk memberikan penyelesaian jangka panjang dan berkesan dalam mengurangkan kemiskinan melalui pembangunan aset dan sumber yang berterusan.

Wakaf dari aspek sosial merujuk kepada satu bentuk sokongan yang disalurkan oleh individu kepada masyarakat dengan menyediakan akses kepada keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, kesihatan, dan pendidikan. Bentuk kebajikan lain yang menyasarkan penyediaan keperluan asas sering kali terhad, kerana kebanyakan jenis kebajikan mempunyai penerima manfaat yang telah ditentukan terlebih dahulu. Sebagai contoh, penerima zakat yang disebut secara jelas dalam al-Qur'an hanya terdiri daripada lapan golongan penerima manfaat yang berbeza (Usman dan Ab Rahman, 2023). Wakaf Madani memiliki potensi yang besar untuk membantu membasmi kemiskinan melalui penyediaan peluang pendidikan dan pekerjaan, pembangunan ekonomi umat Islam, penyediaan kemudahan kesihatan dan kebajikan serta penstrukturan semula ekonomi berteraskan nilai etika yang selari dengan Islam.

#### **ii) Mengoptimumkan Penggunaan Aset Wakaf**

Pengurusan wakaf yang mempunyai urus tadbir dan tatakelola yang sistematik akan berupaya menghasilkan pulangan yang optimum sekaligus meningkatkan ekonomi umat Islam (Mohd Saufi, et.al). Usaha untuk membangunkan tanah dan aset wakaf perlu diutamakan memandangkan hanya 12 peratus atau 3,500 hektar tanah telah dibangunkan (Mohamed Radhi, Yusof dan Sallehuddin, 2023). Sehingga tahun 2011, dianggarkan keseluruhan tanah wakaf di Malaysia adalah berkeluasan 11,091.82 hektar. Daripada jumlah tersebut, tidak sampai 30% berjaya dibangunkan disebabkan pelbagai kekangan, antaranya disebabkan dana tidak mencukupi, kedudukan tidak sesuai dan sebagainya (Mustaffa, Muhammad Kamil, Khalin, Bulbatie dan Othman, 2022)

Wakaf Madani merupakan usaha kerajaan membangunkan tanah wakaf berdaftar dengan kerjasama pihak swasta. Bagi tujuan tersebut, aset-aset wakaf yang bernilai lebih 1 billion ringgit yang terdiri daripada tanah, masjid, kemudahan kesihatan dan pendidikan akan dioptimumkan penggunaannya bagi memberi manfaat kepada golongan fakir miskin, golongan yang berpendapatan rendah dan golongan rentan yang lain. Selain itu, Wakaf Madani bukan sahaja bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan wakaf tetapi turut memperbaiki institusi wakaf melalui penambahbaikan yang sistematik dan inovatif. Pihak kerajaan akan meningkatkan dana kepada 500 juta ringgit untuk pinjaman mudah bagi meningkatkan pembangunan semula tanah-tanah wakaf di seluruh negara (Yayasan Wakaf Malaysia, 2023). Selain itu, kerajaan juga bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Nasional Tanah Wakaf (JNTK) dengan objektif, wakaf akan menyumbang 20 peratus pengembangan sektor kewangan sosial Islam menjelang 2030. Bagi memastikan perkara ini dilaksanakan dengan sebaiknya, JNTK akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim (Berita Harian, 2024).

### iii) Pemerksaan Pendidikan

Wakaf Madani berpotensi untuk memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan dengan membiayai pembinaan institusi pendidikan seperti sekolah, universiti, dan pusat latihan. Institusi-institusi ini dapat menyediakan pendidikan berkualiti tinggi kepada golongan kurang berkemampuan. Melalui akses kepada pendidikan yang lebih baik, individu daripada golongan ini dapat memperoleh kemahiran yang relevan dan diperlukan untuk memasuki pasaran pekerjaan yang lebih kompetitif, seterusnya meningkatkan mobiliti sosial mereka dan membuka peluang kepada peningkatan taraf hidup secara keseluruhan.

Pendidikan merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan seseorang untuk membina kemahiran seterusnya dapat memajukan diri dan keluarga serta dapat menyumbang kepada masyarakat, agama bangsa, negara hatta dunia. Institusi pondok adalah salah satu harta pendidikan wakaf terawal di Tanah Melayu. Pada akhir abad ke-19 dan ke-20, bentuk pembelajaran di institusi pondok ini sangat popular dalam kalangan masyarakat, terutamanya umat Islam (Abd Latiff, Ismail dan Mohd Daud. 2006). Di Malaysia, institusi pendidikan wakaf terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), madrasah, dan pondok (Azha, et. al., 2012). Raja Ramli dan Abd Hamid (2014), menyatakan, wakaf pendidikan merupakan satu usaha berterusan untuk membangunkan ekonomi bidang pendidikan seterusnya menjana sumber kewangan yang produktif supaya tidak mengharapkan sepenuhnya peruntukan kerajaan. Di Malaysia, universiti wakaf mempunyai amalan wakaf yang pelbagai untuk institusi pengajian tinggi (IPT). Banyak universiti awam (UA) telah memulakan tabung wakaf dan membangunkan mekanisme yang menyeluruh untuk pengumpulan dana wakaf dengan bantuan teknologi tradisional dan moden (Usman dan Ab Rahman, 2023).

Pembiayaan pengajian tinggi melalui instrumen wakaf berupaya mengurangkan bilangan bakal pelajar yang tidak dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya dikalangan masyarakat melayu Islam (Hasan & Abdullah, 2008). Menurut Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Penubuhan Tabung Wakaf MARA MADANI (TWMM) akan dimanfaatkan untuk memperkasa agenda Bumiputera, terutama pendidikan orang Melayu dengan menawarkan pendidikan berkualiti dan percuma, pembangunan usahawan serta aspek lain yang berkaitan (Bernama, 2024). Tujuan kerajaan menubuhkan TWMM adalah untuk memanfaatkan potensi besar wakaf dalam memajukan menyediakan pendidikan berkualiti dan percuma kepada pelajar Bumiputera. Tabung ini menyasarkan pengumpulan RM1 bilion dalam tempoh dua tahun, yang akan digunakan untuk memperkasa pendidikan, pembangunan usahawan, dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan kesejahteraan masyarakat. Ini termasuklah sokongan kepada pelajar dalam bidang perubatan dan pendidikan tinggi, yang dapat membantu mereka mencapai kejayaan akademik dan profesional (Bernama, 2024). Dr Asyraf berpendapat, usaha untuk mngumpulkan dana bagi tabung wakaf Madani ini bukanlah sesuatu yang sukar kerana MARA mempunyai 2.5 juta alumni yang pernah dibantu sebelum ini dan kebanyakannya sudah berjaya dalam pelbagai sektor korporat dan professional.

### iv) Pembangunan Ekonomi Yang Berterusan

Sebagai sebuah institusi kebajikan, wakaf moden berperanan dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan secara signifikan dan menyediakan mekanisme yang berkesan untuk menyokong pembangunan yang lestari (Usman dan Ab Rahman, 2023). Penyediaan geran wakaf sebesar RM100 juta dan sasaran pengumpulan dana minimum RM1 bilion dalam dua tahun, akan menjadi sumber pembiayaan berterusan untuk inisiatif-inisiatif yang dapat meningkatkan kualiti hidup dan membuka peluang ekonomi bagi komuniti Bumiputera. Insentif

ini seterusnya mampu mengubah kedudukan ekonomi bumiputera dalam menghadapi persaingan yang hebat (Bernama, 2024). Pembangunan akan memberi fokus kepada projek berimpak tinggi, berdaya maju dan mampan dalam meningkatkan aset wakaf di seluruh negara, dengan sektor yang berpotensi untuk dimajukan iaitu kesihatan, pendidikan, perumahan, pertanian (*food security*) dan pembangunan ekonomi serta komuniti (Yayasan Wakaf Malaysia, 2023).

### Kesimpulan

Wakaf Madani merupakan strategi yang berpotensi besar dalam pembangunan sosioekonomi dan masyarakat di Malaysia. Melalui pengurusan wakaf yang sistematik dan efektif, sumber-sumber wakaf dapat dimanfaatkan secara optimum untuk menyediakan kemudahan asas seperti pendidikan, kesihatan, dan tempat ibadah, serta mewujudkan peluang pekerjaan dan menggalakkan aktiviti ekonomi. Perkara ini bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup masyarakat tetapi juga menyumbang kepada kemaslahatan umum dan kemajuan negara. Selain itu, Wakaf Madani juga memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi di Malaysia dengan menyediakan platform bagi penajaan sumber ekonomi dan penyediaan perkhidmatan sosial yang bermanfaat kepada masyarakat melalui pengurusan yang cekap dan strategik, wakaf mampu meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memperkukuhkan kesejahteraan komuniti di seluruh negara.

### Rujukan

- Abd Latiff, A. Z., Ismail, A. Z., & Mohd Daud, N. (2006). Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia. *Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur*, 12-14 September 2006.
- Ahmad Halimy, N. N. (2023, Februari 23). Wujudkan Wakaf Madani, Jawatankuasa Nasional Tanah Wakaf. *Berita Harian*. [https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf\\_madani-76654](https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf_madani-76654)
- Anwar Ibrahim (2022). *Membangun Malaysia Madani. Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Institut Darul Ihsan Research Snd. Bhd.
- Azha, L., Sayin, B., & Sayurno, & Salahuddin, S.S. & Afandi, M. & H., Hamid. (2013). The Practice and Management of Waqf Education in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 90. 22-30. 10.1016/j.sbspro.2013.07.061.
- Bernama (2024, Februari 24). Belanjawan 2023: Kerajaan wujudkan Wakaf Madani. (*Berita Harian*). [https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf\\_madani-76654](https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf_madani-76654)
- Bernama (2024, Mac 2). Tabung Wakaf Mara Madani Memperkasa Agenda Bumiputera - Asyraf Wajdi. (*Berita Harian*). Diakses daripada [https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf\\_madani-76654](https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf_madani-76654)
- Chapra, M.U. (2008). Ibn Khaldun's theory of development: does it help explain the low performance of the present-day Muslim world. *The Journal of Socioeconomics*, Vol. 37 No. 2, Pp. 836–863.
- Choudhury, M.A. (2018). Comparative Islamic perspectives in money, monetary policy, and social wellbeing. *Journal of Economic Cooperation and Development*, Vol. 39 No. 1, pp. 143-162.
- Firman, A.A., & Rosidta, A. (2023). Peran wakaf dan zakat dalam meningkatkan ekonomi masyarakat Indonesia. Lisyabab. *Jurnal Studi Islam dan Sosial*. 4. 162-185. 10.58326/jurnallisyabab.v4i2.193.
- Griffiths, B. & Tan, K. (2007). *Fighting Poverty through Enterprise: The Case for Social Venture Capital*. London: Transformational Business Network
- Kahf, M. (1998). Financing the development of awqaf property. *Kertas Kerja Seminar Development of Awqaf di Kuala Lumpur, 2-4 March, 1998*.

- Mohamed Radhi, N.A., Yusof, T.A., & Sallehuddin, Q. (2023, Februari 24). Budget 2023: development of wakaf land and assets to be prioritised. (*New Straits Times*). <https://api.nst.com.my/news/nation/2023/02/883197/budget-2023-development-wakaf-land-and-assets-be-prioritised>
- Mohammad (2023). Bentuk Malaysia baharu dengan konsep Madani demi pembangunan holistik. dlm. Surat Pembaca, *Dagang News*. 25 Januari 2023.
- Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (2023). Wakaf Madani. [https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf\\_madani-76654](https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf_madani-76654)
- Rahman (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 1 (2009) 113-152*
- Raja Ramli, R. N. A., & Abd Hamid, N. A. (2014). Kelestarian wakaf dalam membangunkan institusi pendidikan: Kajian awal. *Proceedings International Conference on Postgraduate Research, hlm. 454-465*
- Ridwan, Murtadho. (2019). Wakaf dan pembangunan ekonomi. *ZISWAF: Jurnal Zakat dan Wakaf. Vol. 4. 104-125. 10.21043/ziswaf.v4i1.3034.*
- Sadeq, A. M. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*.
- Shahimi, S., Mohd Marzuki, M.U., & Embong, Z. (2013) Potential of cash waqf for poverty alleviation in Malaysia: A system dynamics approach. *Jurnal Ekonomi Malaysia, 47 (2). pp. 149-163. ISSN 0127-1962*
- Suhaimi, F. & Ab Rahman, A. (2021). Peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi: Analisis ke atas Projek Bazar Wakaf rakyat terpilih. *ISLĀMIYYĀT 43(Isu Khas) 2021: 115 - 127) <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-10>*
- Usman, M. & Ab Rahman, A. (2020). Funding Higher Education Through Waqf: A Lesson from Pakistan. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management, Vol. 14 No. 2, Pp. 409-424, Doi: 10.1108/Imefm-05-2019-0200.*
- Usman, M. & Ab Rahman, A. (2023). Funding Higher Education Through Waqf: A Lesson from Malaysia. *International Journal of Ethics and Systems*.
- Yayasan Waqaf Malaysia (2023). *Bengkel pemeraksanaan instrumen wakaf bertempoh (Wakaf A Muaqqat) dilancarkan bagi tujuan pelaksanaan pembangunan di Malaysia.* (Kenyataan Media). [https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf\\_madani-76654](https://wazan.upm.edu.my/article/wakaf_madani-76654)